

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN  
(JELUTONG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 30.03.2017**

**Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [ JELUTONG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana Kerajaan sedang menguruskan beban emolumen sebanyak RM74 bilion setahun serta bayaran pencen sebanyak RM19 bilion setahun yang tetap akan meningkat dalam tahun-tahun akan datang.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Y.B, antara langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan adalah mengekalkan bilangan perjawatan sektor awam pada 1.7 juta. Usaha ini boleh dilaksanakan dengan mengamalkan pengurusan sumber manusia yang kejut (*lean civil service*) melalui pendekatan *redeployment* atau *multitasking* terhadap bidang tugas yang dilaksanakan.

Pada masa yang sama, Kerajaan sedang meneliti beberapa alternatif untuk menghadkan bilangan maksimum perjawatan sektor awam seperti mengurangkan pertindihan fungsi antara agensi dan mengenalpasti Badan-badan Berkanun Kerajaan Persekutuan yang berpotensi untuk diasingkan saraan tanpa bantuan kewangan sepenuhnya daripada Kerajaan.

Disamping itu, Kerajaan juga sedang meneliti mekanisme baharu bagi mengatasi peningkatan bayaran pencen tahunan.